

KENYATAAN MEDIA

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS)

**MINGGU KESELAMATAN KENDERAAN 2019 – USAHA MENINGKATKAN
KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA DIPERGIAT**

KAJANG, 20 OKTOBER – Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan usaha sama Program Penilaian Keselamatan Kereta Baharu untuk Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN NCAP), dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menganjurkan Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 yang akan berlangsung dari 21 hingga 26 Oktober 2019 di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia, Melaka.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif MIROS dan ASEAN NCAP bagi menyediakan platform untuk menyebarkan dan meningkatkan pengetahuan pihak berwajib, industri, dan pengguna berkenaan dengan piawaian dan teknologi keselamatan kenderaan terkini di pasaran yang boleh mengurangkan kecederaan parah seterusnya menyelamatkan nyawa pengguna jalan raya.

Pada acara itu juga, Buku Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di Malaysia yang akan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail pada 23 Oktober 2019.

Menurut Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Dr. Siti Zaharah Ishak “Pihak kerajaan akan mempergiat usaha seperti ini bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan pengguna jalan raya di negara dan rantau ini. Langkah ini adalah selaras dengan agenda keselamatan jalan raya negara dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mencapai sasaran dalam mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya di peringkat kebangsaan dan global”.

Lapan sesi perkongsian diatur sepanjang tempoh Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 di mana ianya akan dihadiri oleh ahli penggubal dasar, pakar keselamatan jalan raya, ahli akademik dari Malaysia, rantau Asia Tenggara dan seluruh dunia. Sesi-sesi perkongsian tersebut akan membincangkan isu berkaitan dengan keselamatan penumpang kanak-kanak, keselamatan tayar kenderaan, teknologi keselamatan kenderaan persendirian dan perdagangan, pelabelan produk keselamatan jalan raya untuk pengguna, keselamatan dan teknologi motosikal.

Sementara itu, Setiausaha Agong ASEAN NCAP, Prof. (Adjunct) Ir. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim berkata “Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 akan menyaksikan demonstrasi ujian pelanggaran setiap hari sepanjang ianya berlangsung selama seminggu, enam buah kenderaan termasuk dua kereta jenis BMW akan diuji dan dinilai tahap keselamatannya di dalam ujian pelanggaran tersebut”. “Program kali ini juga tidak akan dapat berlangsung tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak penaja dalam industri automotif. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada semua penaja”, tambah beliau.

Orang awam adalah dijemput dan tidak melepaskan peluang untuk turut serta di dalam program yang julung kalinya diadakan di Malaysia. Maklumat lanjut terhadap keseluruhan program dan pendaftaran boleh didapati di dalam laman sesawang rasmi MIROS, www.miros.gov.my.

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 Emel: zakry@miros.gov.my